

Jadikan SK 'sekolah pilihan' — PM

Oleh ROZILAN SALLEH

PETALING JAYA 27 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa semua pihak berusaha menjadikan sekolah kebangsaan (SK) sebagai 'sekolah pilihan' dalam menyediakan kemahiran dan ilmu serta pada masa yang sama memupuk semangat integrasi nasional.

Sehubungan itu Perdana Menteri mahu mutu pelajaran di sekolah kebangsaan diberi tumpuan bagi mengelak terus timbul tanggapan terdapat mata pelajaran yang tidak diberi penekanan.

Menurutnya, sekolah kebangsaan memerlukan perubahan dan usaha-usaha penambahbaikan bagi menjadikannya sebagai 'sekolah pilihan'.

Bagaimanapun pada masa yang sama, beliau memberi jaminan kewujudan sekolah jenis kebangsaan tetap akan terpelihara.

"Kita perlu menekankan keprihatinan keluarga mengenai mutu sekolah kebangsaan dan berusaha meyakinkan mereka untuk menghantar anak masing-masing ke sekolah pelbagai kaum dan bermutu tinggi.

"Sekolah kebangsaan harus menjadi tonggak untuk menyediakan kemahiran dan ilmu selain menyemai sifat tolak ansur dan saling memahami antara kaum," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan ketika merasmikan Sidang Kemuncak Pendidikan Malaysia 2004 bertema 'Membangun Keupayaan Intelektual Malaysia Dalam Abad Ke-21' di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Tun Hussein,

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI), Datuk Dr. Michael Yeoh.

Menurut Abdullah, timbul tanggapan yang mendakwa mata pelajaran tertentu tidak diajar dengan memuaskan dan tidak diberikan penekanan di sekolah kebangsaan dan ini seterusnya mendorong ibu bapa memindahkan anak masing-masing ke sekolah jenis kebangsaan dan sekolah agama.

Sebagai permulaan, katanya, mata pelajaran Mandarin, Tamil atau Arab perlu diajar dengan sempurna di sekolah kebangsaan dengan menjadikan ketiga-tiga mata pelajaran itu sebagai pilihan kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa.

• Kualiti IPT tempatan perlu dipertingkatkan — Muka 8

Menurutnya, usaha menambah baik sekolah kebangsaan dan penyediaan mata pelajaran yang berkaitan budaya dan agama adalah dua strategi utama yang perlu diberi perhatian dalam menjamin mutu pendidikan dan meningkatkan integrasi kaum bagi mencapai objektif sistem pendidikan.

Katanya, mutu pengajaran di sekolah kebangsaan telah mencetuskan kebimbangan di kalangan pelbagai pihak.

"Bidang perguruan tidak lagi dipandang tinggi seperti sebelum ini.

"Oleh itu, kita perlu berusaha secara serius dan secara bersepadu menanganinya dengan meningkatkan motivasi dan kedudukan profesion perguruan," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa sistem pendidikan dan tahap integrasi nasional perlu dipertingkatkan bagi menjamin masyarakat Malaysia sentiasa aman dan stabil.

Menurutnya, kerajaan memandangkan berat tahap integrasi kaum pada masa ini memandangkan terdapat sekolah yang hanya mempunyai satu kaum manakala bilangan pelajar bukan Melayu di sekolah kebangsaan semakin mengecil.

Tambahnya, pergaulan pelajar di sekolah dan Universiti yang hanya mengikut kaum masing-masing adalah perkara biasa yang dikhuatiri akan menyemai ciri-ciri salah faham dan saling tidak mempercayai antara satu sama lain apabila mereka dewasa.


"Kita akan meminggirkan diri, dan kita hanya akan mempunyai persamaan dan hubungan yang tidak tulen," katanya.

Abdullah menjelaskan faktor-faktor berkaitan usaha memupuk integrasi kaum bermula di sekolah dan Universiti menyebabkan Kementerian Pendidikan sebelum ini dipecahkan kepada dua iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Jurang dalam mutu (pendidikan) dan perpaduan nasional adalah isu mendesak, dan sebab itulah, saya mahu kedua-dua menteri berkenaan turut memberikan tumpuan kepada perkara-perkara kecil tetapi penting," katanya.

Pada masa yang sama, Abdullah berkata, matlamat untuk membangunkan satu sistem pendidikan negara yang bertaraf dunia adalah merupakan satu agenda utama kerajaan.

Sehubungan itu beliau menggesa



ABDULLAH AHMAD BADAWI sambil diperhatikan Hishammuddin Tun Hussein, Shafie Mohd. Salleh dan Michael Yeoh memasukkan plak sebagai tanda perasmian Sidang Kemuncak Pendidikan Malaysia 2004 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di Petaling Jaya, semalam.

semua institusi pengajian tinggi menyediakan kemudahan sokongan bagi membantu memasarkan pelajar masing-masing setelah memamatkan pengajian masing-masing.

Ini memandangkan bimbingan kerjaya dan jalinan rangkaian industri di negara ini yang masih rendah, ujarnya.

Menurutnya, tanpa penglibatan

ibu bapa serta sokongan masyarakat, sektor swasta dan media, kerajaan sahaja tidak mampu meningkatkan sistem pendidikan negara untuk mencapai taraf dunia.